



Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Lembaran Fakta

## Wang Kertas \$5 Baru: Ciri Keselamatan

Mata wang Amerika Syarikat dipercayai di seluruh dunia. Tahap kepercayaan yang tinggi ini berlaku melalui peningkatan yang berterusan pada reka bentuknya yang melindungi integriti mata wang dan melindunginya daripada pemelancungan.

Kerajaan Amerika Syarikat terus mengatasi pemelancungan mata wang dengan mereka bentuk semula mata wang dengan reka bentuk dan ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan. Mata wang A.S. yang paling baru direka bentuk semula bermula dengan pengenalan wang kertas \$20 baru pada tahun 2003 diikuti dengan wang kertas \$50 pada tahun 2004 dan wang kertas \$10 pada tahun 2006. Wang kertas \$5 yang baru telah dikeluarkan pada 13 Mac, 2008 dan wang kertas \$100 yang baru akan menyusul.

### Ciri Keselamatan

Wang kertas \$5 yang direka bentuk semula adalah lebih selamat, lebih bijak dan lebih terjamin: **lebih selamat** kerana ia lebih mudah untuk diperiksa; **lebih bijak** untuk mengatasi pemalsu yang pintar; dan **lebih terjamin** untuk melindungi integriti mata wang A.S. Oleh kerana ciri keselamatan adalah sukar untuk dihasilkan semula dengan baik oleh pemalsu mata wang, mereka sering tidak mencuba berbuat demikian, dengan harapan pengendali wang tunai dan orang awam tidak akan memeriksa duit mereka.

Reka bentuk \$5 baru mengekalkan dua daripada ciri-ciri keselamatan yang paling penting yang mula-mula diperkenalkan pada tahun 1990-an dan mudah untuk diperiksa.

**Tera air:** Kini terdapat *dua* tera air pada wang kertas \$5 yang direka bentuk semula. Tera air nombor “5” yang besar terletak dalam ruang kosong ke sebelah kanan potret menggantikan potret tera air Presiden Lincoln sebelum ini yang ditemui pada wang kertas \$5 reka bentuk lama. Tera air kedua - lajur yang terdiri daripada tiga “5” yang lebih kecil - telah ditambah pada reka bentuk \$5 yang baru dan diletak di sebelah kiri potret.

**Benang Keselamatan:** Benang keselamatan yang terbenam berlari menegak dan kini terletak di sebelah kanan potret pada wang kertas \$5 yang direka bentuk baru. Huruf “USA” diikuti dengan nombor “5” dalam corak yang berselang-seli kelihatan di sepanjang benang dari kedua-dua permukaan wang kertas. Benang itu bercahaya biru apabila dilihat di bawah cahaya ultraungu.



Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Lembaran Fakta

## Ciri Reka Bentuk

Wang kertas yang baru mengekalkan saiz yang sama dan menggunakan potret dan imej bersejarah yang sama tetapi dipertingkatkan. Paling penting sekali, dunia akan terus mengiktiraf duit baru ini sebagai contoh unggul Amerika. Kemas kinian reka bentuk tidak hanya menambah kerumitan pada wang kertas untuk menyukarkan lagi pemelancungan mata wang, tetapi ia juga merangkumi ciri-ciri lain untuk membantu orang awam membezakan jenis mata wang, terutamanya bagi mereka yang mempunyai tahap penglihatan yang rendah. Di bahagian belakang wang kertas \$5, nombor "5" berwarna ungu yang lebih besar tertera di sudut kanan sebelah bawah untuk membantu mereka yang mempunyai tahap penglihatan rendah untuk membezakan jenis mata wang ini.

**Warna:** Oleh kerana warna boleh diduplikasi oleh pemalsu wang yang mungkin ada, ia tidak harus digunakan untuk menentusahkan ketulenan duit kertas. Menambah warna kepada reka bentuk wang kertas bahkan menambah kerumitan pada reka bentuknya. Perbezaan yang paling ketara pada wang kertas yang baru direka bentuk semula adalah tambahan warna ungu muda di bahagian tengah wang kertas tersebut, yang berpadu menjadi kelabu berhampiran dengan bahagian tepinya. "05" kecil yang berwarna kuning dicetak di sebelah kiri potret pada permukaan hadapan wang kertas dan di sebelah kanan vignet Memorial Lincoln pada permukaan belakang.

**Simbol Kebebasan:** Lambang kebebasan Amerika yang baru telah ditambah pada latar belakang wang kertas \$5 yang direka bentuk semula—Mohor Besar Amerika Syarikat, yang mencirikan seekor burung helang dan perisai, dicetak dengan warna ungu pada sebelah kanan potret Presiden Lincoln. Lengkok bintang berwarna ungu mengelilingi potret dan Mohor Besar tersebut. Lambang kebebasan adalah berlainan bagi setiap jenis mata wang.

**Potret dan Vignet:** Jidar bujur di sekeliling potret Presiden Lincoln pada permukaan hadapan dan vignet Memorial Lincoln pada permukaan belakang telah dikeluarkan. Potret telah dipindahkan ke atas dan bahu potret telah dilanjutkan ke dalam jidar. Butiran ukiran telah ditambah pada vignet, membingkaikan Memorial Lincoln yang berlatarbelakangkan langit yang penuh dengan awan.

## Ciri-ciri Lain

**Penteraan mikro:** Oleh kerana ia terlalu kecil, perkataan yang ditera mikro susah untuk direplikakan. Wang kertas \$5 yang direka bentuk semula mencirikan teraan mikro pada permukaan hadapan wang kertas di tiga kawasan: perkataan "FIVE DOLLARS" diulangi di bahagian sebelah dalam jidar kiri dan kanan wang kertas; perkataan "E PLURIBUS UNUM" tertera pada bahagian atas perisai dalam Mohor



Wang Kertas \$5 Baru  
Lebih Selamat. Lebih Bijak. Lebih Terjamin.



# Lembaran Fakta

Besar; dan perkataan “USA” diulangi di antara tiang-tiang perisai. Pada permukaan belakang wang kertas perkataan “USA FIVE” tertera sepanjang satu sisi ciri penglihatan rendah “5” yang besar dan berwarna ungu.

**Ciri Penglihatan Rendah:** Nombor “5” yang besar dan mudah dibaca di sudut kanan sebelah bawah permukaan belakang wang kertas, yang membantu mereka yang mempunyai tahap penglihatan yang rendah membezakan jenis mata wang ini, telah diperbesarkan pada reka bentuk wang kertas \$5 yang baru, dan dicetak dengan dakwat ungu berkontras tinggi.

**Penunjuk Rizab Persekutuan:** Mohor universal di sebelah kiri potret mewakili keseluruhan Sistem Rizab Persekutuan. Huruf dan nombor di bawah nombor siri kiri mengenal pasti Bank Rizab Persekutuan yang mengeluarkannya.

**Nombor Siri:** Gabungan unik sebelas nombor dan huruf tertera dua kali pada permukaan hadapan wang kertas. Pada wang kertas \$5 yang baru, nombor siri kiri telah dianjakkan ke kanan sedikit, berbanding dengan reka bentuk sebelum ini.

## Peralihan yang Lancar

Matlamat program pendidikan awam dan kesedaran adalah pengenalan secara lancar terhadap wang kertas \$5 yang direka bentuk semula di Amerika Syarikat dan di serata dunia. Kerajaan A.S. bekerja rapat dengan komuniti perniagaan, persatuan kebangsaan dan bank pusat asing untuk memastikan peralihan yang lancar bagi wang kertas yang direka bentuk semula ini.

Lebih banyak mata wang A.S. diedarkan di seluruh dunia berbanding dengan mana-mana mata wang lain. Sebenarnya, lebih daripada \$770 bilion diedarkan di seluruh dunia. Dengan jumlah besar mata wang A.S. dalam edaran, program pendidikan dan kesedaran awam telah terbukti sangat penting semasa memperkenalkan mata wang yang baru direka bentuk semula di masa lampau. Usaha yang sama terus dijalankan untuk wang kertas \$5 baru untuk memaklumkan kepada pemegang amanah harta dan orang awam mengenai perubahan baru dan cara menggunakan ciri keselamatan untuk mengesahkan ketulenan mata wang.

**Menggunakan reka bentuk \$5 lama:** Anda tidak perlu menukar wang kertas \$5 lama anda untuk yang baru. Duit lama anda akan sentiasa mempunyai nilai yang sama. Malah, setiap wang kertas A.S. yang dikeluarkan sejak 1861 masih boleh ditebus pada hari ini pada nilai muka yang penuh dan terus menjadi mata wang yang sah. Selain itu, wang kertas A.S. tidak akan dipanggil balik atau diturunkan nilai kerana Amerika Syarikat tidak pernah menurunkan nilai mata wangnya dan tidak akan berbuat demikian sekarang.